



Headline: Simpanan RM165,000 lesap
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 7 April 2019

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 10

Simpanan ASB warga emas hangus ditipu

Seremban: Warga emas yang juga wanita berusia 72 tahun kerugian RM92,400 selepas diperdaya sindiket Macau Scam kononnya mangsa terbabit dengan judi dalam talian pada 25 Mac lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) negeri Superintendan Aibee Ab Ghani berkata, pada kejadian jam 2 petang, mangsa yang berada di rumahnya di Taman Rembau Utama menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki. Katanya, suspek



AIBEE

mendakwa dia pegawai sebuah syarikat telekomunikasi di Kuala Lumpur dan sambungan

talian dibuat daripada pegawai polis Bukit Aman.

"Lelaki terbabit mendakwa nombor telefon mangsa terbabit dalam aktiviti judi dalam talian. Suspek mendakwa mangsa membuat pengeluaran wang di bank berjumlah RM1.5 juta.

"Suspek juga menakutkan mangsa kononnya waran tangkap dikeluarkan terhadapnya dan mangsa akan direman 14 hari," katanya semalam.

Aibee berkata, suspek meminta mangsa memindahkan wang

simpanan Amanah Saham Bumiputera (ASB) ke dalam akaun yang diberikan lelaki itu untuk siasatan.

"Mangsa membuat transaksi seperti diminta pada 25 dan 26 Mac lalu. Suspek kemudiannya mengarahkan mangsa membakar semua resit - pemindahan kononnya bagi mengelak dijumpai anggota polis Bukit Aman.

"Suspek turut meminta semua perbuahan menerusi aplikasi WhatsApp dipadam. Wanita itu hanya menyedari tertipu sebaik nombor telefonnya disekat

oleh lelaki terbabit," katanya.

Mangsa yang masih bujang dan tinggal berseorangan kemudiannya membuat laporan di Balai Polis Rembau 26 Mac lalu.

"Siasatan mendapati mangsa pernah bekerja kilang di Singapura dan semua wang itu adalah simpanannya. Siasatan lanjut mendapati suspek menghubungi mangsa menggunakan nombor telefon rumah," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

SIMPANAN RM165,000 LESAP

■ **Lelaki 56 tahun berputih mata ditipu sindiket Macau Scam**

Zatul Ifrah Zolkiply
zatuliffah@hmetro.com.my

Dungun

Rugi RM165,000 apabila wang simpanan dalam akaun lesap selepas menjadi mangsa sindiket Macau Scam.

Itu menimpa seorang lelaki berusia 56 tahun dalam kejadian jam 9.30 pagi pada 25 Mac lalu selepas menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Kedah.

Ketua Polis Daerah Dungun Superintendan Baharudin Abdullah berkata, individu terbabit kemudian meminta mangsa membuat pengesahan kad

pengenalan sebelum dimaklumkan mempunyai hutang cukai perniagaan yang belum dijelaskan sebanyak RM17,600.

Katanya, individu terbabit memaklumkan nama mangsa didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Alor Setar, Kedah, pada Mac 2017 selain ada membuka satu akaun sebelum suspek memaklumkan konon kad pengenalan mangsa digunakan orang lain bagi tujuan salah.

"Panggilan mangsa kemudian disambung kepada anggota Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah dan dimaklumkan ada seorang lelaki ditahan kerana melakukan jenayah pengubahan wang haram.

"Mangsa dimaklumkan bersubahat kerana menjual kad pengenalan dengan harga RM20,000 sebelum sekali lagi panggilan disambungkan kepada pegawai polis.

"Pegawai yang berpangkat Inspektor itu memaklumkan mangsa yang kononnya menerima komisen RM200,000 hasil pengubahan wang haram akan ditahan di lokap sekiranya tidak memberi kerjasama," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Baharudin berkata, mangsa dimaklumkan akan disiasat bank negara bagi memastikan dia tidak terbabit dalam kes pengubahan wang haram dan diminta membuat pengesahan nombor akaun yang ada. Katanya, mangsa

hanya sedar ditipu ketika mengemas kini akaunnya pada 27 Mac lalu apabila mendapati wang simpanannya sudah tiada, malah suspek terbabit juga gagal dihubungi.

"Mangsa yang kerugian RM165,000 membuat laporan di Balai Polis Dungun pada Rabu lalu dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya. Sementara itu, beliau turut menasihatkan orang ramai supaya tidak terpedaya jika dihubungi individu tidak dikenali memperkenalkan diri sebagai wakil Bank Negara Malaysia atau polis yang meminta maklumat peribadi terutama nombor akaun bank.

"Orang ramai

dinasihatkan membuat semakan terlebih dulu dengan pihak terbabit atau tidak melayan panggilan individu mencurigakan bagi memastikan tidak menjadi mangsa penipuan," katanya.

